



Menguruskan wang yang dipegang sebagai amanah untuk seorang kanak-kanak

(Lembaran Maklumat 3)

10 June 2025

Bagaimana jika waris adalah kanak-kanak?

Apabila kami mengagihkan wang CPF, wang daripada harta pusaka atau daripada pampasan bagi kemalangan jalan raya, kadang kala orang yang kami perlu dibayar adalah seorang kanak-kanak.

Kami akan memegang wang ini sebagai amanah bagi kanak-kanak tersebut sehingga kanak-kanak itu layak untuk menerima wang mengikut umur yang disenaraikan di bawah.

Jenis wang	Umur
Wang CPF yang dinominasikan	18
Wang CPF yang tidak dinominasikan	21
Wang harta pusaka	21
Wang daripada pampasan kemalangan jalan raya	21
Pampasan bagi kecederaan di tempat kerja (diri sendiri)	18
Sagu hati kematian daripada pemerintah	18

Apa akan anda lakukan dengan wang yang dipegang sebagai amanah?

Kami akan melaburkan wang yang dipegang sebagai amanah di dalam instrumen kewangan yang selamat seperti deposit tetap dan bon. Kami akan membayar wang ini, bersama faedah yang diperolehi (ditolak yuran kami), kepada kanak-kanak tersebut apabila mereka mencapai umur dewasa (sama ada 18 atau 21).

Ibu bapa atau penjaga yang sah boleh melihat penyata akaun kanak-kanak tersebut di dalam talian di laman web kami: <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

Apakah yuran yang anda kenakan bagi melaburkan wang yang dipegang sebagai amanah?

Yuran yang kami kenakan ke atas jumlah faedah yang diperolehi daripada melaburkan wang yang dipegang sebagai amanah adalah seperti berikut.

Jumlah Faedah yang Diperolehi	Yuran
Bagi \$1,000 pertama	5.50%
Bagi \$1,000 seterusnya	4.50%
Bagi \$1,000 seterusnya	3.50%
Bagi jumlah melebihi \$3,000	2.25%

Yuran ini termasuk GST dan tidak boleh dikecualikan.

Bolehkah wang yang dipegang sebagai amanah dikeluarkan kerana saya kini merupakan ibu/bapa atau penjaga tunggal kanak-kanak tersebut dan mengalami masalah kewangan untuk menyara kanak-kanak tersebut?

Di bawah seksyen 68 dan 70 Piagam Wanita, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga kanak-kanak untuk menyara atau menyumbang kepada penyaraan kanak-kanak tersebut jika mereka tidak berupaya menjaga diri mereka sendiri.

Jika anda ibu/bapa atau penjaga yang sah kepada seorang kanak-kanak dan anda mengalami masalah kewangan untuk menyara kanak-kanak tersebut, anda boleh memohon kepada kami untuk mendapatkan elaun penyaraan daripada wang yang kami memegang dalam amanah untuk kanak-kanak tersebut

Dalam memutuskan jumlah elaun penyaraan, kami akan mempertimbangkan yang berikut.

1. Pendapatan, harta dan sumber kewangan lain anda.
2. Tanggungan dan keperluan kewangan anda.
3. Keperluan kewangan dan umur kanak-kanak tersebut.
4. Cara kanak-kanak tersebut sedang atau bakal dididik atau dilatih.

Undang-undang menetapkan had kepada pengeluaran bagi setiap peramanahan kanak-kanak. Setelah had ini dicapai, Pemegang Amanah Awam tidak akan membuat sebarang pembayaran penyelenggaraan atau bayaran balik perbelanjaan untukkemanfaatan kanak-kanak.

Untuk wang CPF: Hanya separuh (50%) daripada modal dan faedah boleh dikeluarkan.

Untuk wang lain:

Pengeluaran daripada setiap peramanahan kanak-kanak akan dihadkan kepada \$25,000 jika jumlah modal amanah tersebut melebihi \$25,000 tetapi kurang daripada atau bersamaan dengan \$50,000. Sekiranya jumlah modal peramanahan tersebut melebihi \$50,000, pengeluaran daripada peramanahan akan dihadkan pada 50% daripada jumlah modal peramanahan tersebut.

Contoh 1 – Modal amanah adalah \$25,000

Jumlah modal amanah	\$25,000
Jumlah maksimum yang boleh dibayar	\$25,000

Contoh 2 – Jika jumlah modal amanah melebihi \$25,000 tetapi kurang daripada \$50,000

Jumlah modal amanah	\$30,000
Jumlah maksimum yang boleh dibayar	\$25,000

Contoh 3 – Jika jumlah modal amanah melebihi \$50,000, hanya 50% daripada jumlah amanah boleh dikeluarkan

Jumlah modal amanah	\$80,000
Jumlah maksimum yang boleh dibayar	\$40,000

Had-had ini dikenakan bagi melindungi kepentingan anak anda dengan memastikan bahawa dia dapat menerima jumlah yang munasabah apabila mencapai usia dewasa dan mendapat permulaan yang baik dalam hidup..

Bagaimana cara untuk saya memohon elaun penyaraan kanak-kanak?

Anda perlu membuat permohonan di dalam talian bagi elaun penyaraan di www.mlaw.gov.sg/pto.

Anda juga perlu menyediakan SingPass anda untuk mengakses borang permohonan dalam talian kami. Anda boleh memohon SingPass di <https://www.singpass.gov.sg> jika anda belum mempunyainya. Jika anda tidak layak untuk SingPass, anda boleh memohon ID log masuk dan kata laluan melalui laman web kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

Dokumen apakah yang perlu saya hantarkan kepada anda?

Anda perlu menyediakan bukti bahawa anda tidak mampu untuk menyara kanak-kanak tersebut (contohnya, slip gaji bulanan anda) dan dokumen berkaitan keperluan kewangan kanak-kanak itu.

Untuk kami membuat pembayaran, anda juga perlu memberikan kami bukti akaun simpanan bersama yang dibuka bersama kanak-kanak itu. Kami boleh menerima salinan penyata bank dengan nombor akaun bank bersama yang tertera nama-nama pemegang akaun.

Bagaimakah elaun penyaraan ini akan dibayar?

Elaun penyaraan akan dikreditkan ke dalam **akaun simpanan bersama**, yang dipegang oleh ibu bapa atau penjaga yang sah bersama kanak-kanak itu, melalui GIRO setiap tiga bulan pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober.

Bolehkah saya mendapat pembayaran balik perbelanjaan tambahan yang lebih daripada elaun penyaraan?

Kami boleh membuat bayaran balik kepada anda daripada wang kanak-kanak tersebut untuk perbelanjaan pendidikan dan kebajikan kanak-kanak tersebut, jika ini tidak diliputi oleh elaun penyaraan. Kami mempertimbangkan setiap permintaan secara kes demi kes.

Apa perlu saya lakukan untuk mendapat pembayaran balik bagi perbelanjaan tambahan?

Anda perlu menghantarkan dokumen kepada pegawai kes anda untuk menunjukkan bukti pembayaran.

Dokumen bukti pembayaran yang biasa adalah:

1. Surat penerimaan daripada sekolah kanak-kanak tersebut yang menunjukkan jumlah yuran sekolah; dan
2. resit yang menunjukkan bukti pembayaran kepada sekolah.

Bagaimana jika saya tidak mampu untuk membayar perbelanjaan tambahan?

Jika kami bersetuju untuk membayar perbelanjaan tambahan daripada wang anak tersebut, kami akan membuat pembayaran terus kepada pihak sekolah.

Telefon:

Tel: 1800-2255-529

Alamat:

The URA Centre (East Wing)
45 Maxwell Road #07-11
Singapura 069118

Waktu Operasi E-helper:

Isnin - Jumaat: 8.30pg - 5.00ptg

Laman Web:

www.mlaw.gov.sg/pto